

## **JABATAN PENGIMEJAN DIAGNOSTIK HOSPITAL SEGAMAT**

---

MEMO DALAMAN BIL 1 TAHUN 2012

Kepada  
Semua Ketua Jabatan/ Unit Hospital Segamat

### **MODALITI DAN PERKHIDMATAN JABATAN PENGIMEJAN DIAGNOSTIK HOSPITAL SEGAMAT**

#### **Tujuan**

Pekeliling ni bertujuan untuk mengumumkan semua modaliti dan perkhidmatan jabatan kami termasuk perubahan pada tatacara permohonan perkhidmatan.

#### **Latar belakang**

Untuk makluman, bermula dari 16 Disember 2011; seorang Pakar Radiologi telah ditempatkan di Hospital Segamat dan perkhidmatan CT dijangka akan bermula pada bulan Mac 2012. Pada masa ini, proses pembinaan bangunan CT sedang giat dijalankan.

#### **Perkhidmatan semasa dan tatacara permohonan perkhidmatan**

(Sila rujuk lampiran 1)

##### **1. Perkhidmatan X ray:**

Kini Hospital Segamat menggunakan *conventional* dan *computed radiography* (CR) yang beroperasi 24 jam.

##### **2. Ultrasound:**

Jabatan ini kini mempunyai sebuah mesin (*high-end*) ultrasound. Temujanji diadakan setiap hari bekerja kecuali hari Rabu. Kes kecemasan boleh diterima pada setiap hari selepas perbincangan dengan Pakar/ MO. Pemeriksaan yang ada termasuk *abdomen*, *Doppler carotid*, *Doppler renal*, *cranium* dan lain- lain. Perkhidmatan *biopsy*, *drainage* dan *aspiration* juga disediakan. Laporan akan disediakan pada hari pemeriksaan itu sendiri.

### **3. Computed Tomography (CT):**

Sehingga CT baru siap untuk kegunaan Hospital Segamat; semua kes temujanji akan diadakan di Hospital Muar pada setiap hari Rabu. Laporan untuk kes temujanji akan diselesaikan dalam masa 2 hari (maksimum- kecuali untuk *complicated* kes yang memerlukan perbincangan lanjut). Kes kecemasan boleh dirunding dengan Pakar/ MO dan dilakukan pada mana- mana hari. Laporan bagi kes kecemasan akan diberikan pada hari berikutnya. Perhidmatan *biopsy*, *drainage* dan *aspiration* juga disediakan. Pegawai perubatan diminta datang ke Jabatan kami untuk berbincang dengan Pakar/ MO sebelum temujanji diberikan.

### **4. Fluoroskopi:**

Kes- kes boleh dibincang bersama Pakar/ MO. Temujanji akan diadakan pada hari Khamis setiap minggu pertama dan ketiga di hospital Muar.

### **5. Intravenous urogram (IVU):**

Kes temujanji akan diadakan pada setiap Hari Rabu pagi. Laporan akan disediakan dalam tempoh seminggu.

### **6. Magnetic resonance Imaging (MRI):**

Kes- kes temujanji akan diadakan sebulan sekali di Hospital Melaka. Laporan untuk kes temujanji akan disediakan dalam tempoh 1- 2 minggu. Bagi kes- kes kecemasan, ia perlu dirujuk terus ke Hospital berkenaan oleh Pegawai Perubatan sendiri i.e. tidak melalui JPD Hospital Segamat.

### **7. Mammografi:**

Kes temujanji akan dilakukan di Hospital Muar pada hari Khamis setiap minggu pertama dan ketiga. Laporan akan disediakan dalam 1- 2minggu. Khidmat *stereotactic biopsy* juga ditawarkan. Pegawai Perubatan yang terlibat dengan pesakit diminta datang ke Jabatan kami untuk berbincang sebelum temujanji diberikan.

Dr Hazrini Abdullah  
Ketua Jabatan Pengimejan Diagnostik  
Hospital Segamat.

2 Januari 2012.